

# Punca Kuala Lumpur banjir kilat

Oleh SITI KAMILAH MUSTAPHA  
kamilah@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Lebih 20 tan sampah yang dibuang oleh warga kota setiap hari adalah antara punca masalah banjir kilat beberapa kawasan di sekitar Lembah Klang.

Lebih memeningkan, masalah itu tidak pernah selesai ekoran sikap jelik warga kota yang gemar menjadikan parit dan anak sungai sebagai tong sampah, kata Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop.

Katanya, walaupun telah banyak kerja pembaikan longkang tersumbat dan usaha menanganinya dilakukan tetapi selagi tiada kerjasama masyarakat, masalah itu sukar diselesaikan.

“Paling mengecewakan, masih ada masyarakat kota yang membuang tilam dan peti sejuk mereka dalam sungai,” jelasnya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penutup dan penyampaian hadiah Program Pendidikan Lalu lintas Shell dan Majlis Ke-

selamatan Jalan Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Stadium Titiwangsa semalam.

Sementara itu, menurut Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Salleh Yusop, walaupun ibu kota sering dilanda banjir kilat kebelakangan ini tetapi jumlah kawasan yang sering mengalami banjir kilat kini sudah berkurangan.

“Ini kerana pelbagai usaha telah dilakukan seperti mewujudkan 20 kawasan takungan banjir selain penggunaan sistem kamera litar tertutup dan papan tanda amaran di sekitar ibu kota bagi memberi maklumat terkini kepada warga kota mengenai kejadian itu,” jelasnya.

Kata Salleh, masalah banjir kilat kini kurang dilaporkan di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Kampung Baru.

Beliau berharap masalah banjir kilat di ibu kota dapat diatasi dengan berkesan setelah projek Terowong Jalan dan Pengurusan Air Banjir (Smart) di Kuala Lumpur siap sepenuhnya tahun depan.



DEWAN Bandar Raya Kuala Lumpur terus bergelut untuk mengubah mentaliti warga kota yang menjadikan sungai sebagai tong sampah.